

Newspaper	Berita Harian
Date	8 June 2015

PM jamin agensi kerajaan teruskan usaha pencarian

BH - 8/6/2015

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan, segala usaha sedang dilakukan oleh agensi kerajaan untuk mencari dan menyelamatkan semua mangsa yang masih terkandas di Gunung Kinabalu, susulan gempa bumi Jumaat lalu.

Sambil mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Persekutuan dan negeri akan memantau, menyediakan laporan dan mengambil tindakan segera untuk memastikan infrastruktur yang rosak, termasuk 23 sekolah dan

jalan raya, dibaiki secepat mungkin.

“Anggota serta aset tentera berada dalam keadaan siap sedia untuk dikerahkan, manakala Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) terdiri daripada paramedik, jurutera dan penyelamat sudah digerakkan untuk membantu,” katanya dalam laman Facebook dan Twitternya, semalam.

Sentiasa ikut perkembangan Najib yang berterima kasih kepada semua pihak yang membantu usaha pencarian, teruta-

ma malim gunung, menegaskan, walaupun beliau kini di Jeddah untuk lawatan rasmi, agensi kerajaan terbabit sentiasa memaklumkan perkembangan terkini kepadanya.

“Insya-Allah, bersama-sama mereka yang ada di sini (Jeddah), solat hajat akan diadakan. Semoga Allah SWT memelihara rakyat Malaysia, terutama di Sabah dan memudahkan usaha menyelamatkan. Saya juga berharap semua rakyat tidak mengira bangsa atau agama, terus berdoa untuk keselamatan rakyat Sabah,” katanya.